



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/11/15\_56 (HQ)

### TNB JALIN KERJASAMA DENGAN HUAWEI DAN RHB, UNTUK MENYEGERAKAN PERALIHAN TENAGA MELALUI DIGITALISASI DAN SOLUSI KEWANGAN HIJAU

- Memanfaatkan digitalisasi bersama Huawei untuk mendorong peralihan tenaga yang mampan dan kerjasama bersama Kumpulan Perbankan RHB untuk memperkasa Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan individu dalam asimilasi tenaga boleh baharu dan penyelesaian tenaga yang cekap.
- Kerjasama strategik ini menempatkan TNB di hadapan dalam usaha peralihan tenaga Malaysia, sejajar dengan matlamat pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, pembekal solusi tenaga mampan di Malaysia, mengorak langkah penting dalam komitmennya untuk mendorong Malaysia mencapai Sifar Bersih 2050. Usaha ini diperkuuhkan melalui kerjasama dengan dua organisasi penting dalam transformasi digital dan solusi kewangan hijau.

Dalam usaha mempercepat peralihan ke tenaga mampan, TNB telah menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU). MoU pertama, bersama Huawei Malaysia, bertujuan untuk membuka potensi solusi tenaga hijau, manakala MoU kedua, bersama Kumpulan Perbankan RHB, bertujuan untuk mempercepat penggunaan tenaga boleh baharu (RE) dan penyelesaian cekap tenaga (EE) di kalangan PKS serta individu melalui solusi kewangan hijau.

**Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din** menekankan kerjasama ini adalah selaras dengan matlamat strategik yang dinyatakan dalam NETR di mana beliau menyatakan, "Melalui inisiatif-inisiatif ini, TNB tidak hanya membayangkan masa depan mampan tetapi juga secara aktif membinanya."

Berkenaan dengan kerjasama dengan Huawei, Baharin menekankan, "Digitalisasi adalah kunci utama bagi peralihan tenaga. Kerjasama dengan Huawei akan mempercepat agenda peralihan tenaga TNB dengan memanfaatkan transformasi digital dan meraih peluang baru dalam solusi tenaga hijau. Ia menyediakan platform bagi TNB untuk memodenkan infrastruktur teknologi maklumat (IT) dan telekomunikasinya dengan memberi tumpuan kepada kelestarian, kecekapan tenaga, dan teknologi komunikasi canggih."

MoU bersama Huawei telah ditukar secara rasmi semasa Persidangan Peralihan Tenaga 2023 yang dianjurkan Ogos lalu. Ketua Pegawai Informasi (CIO) TNB, Azlan Ahmad, dan Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Malaysia, Simon Sun, bertukar dokumen MoU tersebut di hadapan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad; Penggerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid; dan Dato' Seri Ir. Baharin Din.

Dengan kerjasama bersama Kumpulan Perbankan RHB, TNB berhasrat untuk menawarkan perkhidmatan nasihat teknikal mengenai kecekapan tenaga dan solusi tenaga boleh baharu, termasuk membekalkan dan memasang sistem *Solar Photovoltaic (PV)* kepada PKS, yang tertumpu kepada pelanggan RHB dan rakan niaga TNB.

Kerjasama ini memberi penyelesaian kepada kos pendahuluan yang menjadi halangan utama kepada PKS dan pemilik rumah yang ingin menikmati fasiliti solar atas bumbung dan solusi cekap tenaga (EE). Kumpulan Perbankan RHB akan menyediakan sokongan nasihat dan pembiayaan kewangan untuk memudahkan peralihan ini.

Dato' Seri Ir. Baharin Din berkata, "Kerjasama ini adalah penting dalam mempromosikan amalan perniagaan mampan dan memajukan inisiatif peralihan tenaga kita. Ia sejajar sepenuhnya dengan aspirasi Sifar Bersih 2050 TNB dan sasaran neutral karbon Malaysia. Melalui kerjasama ini, TNB akan menyediakan kepakaran teknikal dan membekalkan sistem Solar PV, manakala RHB akan menawarkan Solusi Kewangan Hijau."

Dalam bulan yang akan datang, TNB dan Bank RHB akan mengadakan sesi pertemuan bersama pengusaha PKS di bandar-bandar utama di seluruh negara, bermula November 2023. Sesi-sesi ini akan berfungsi sebagai platform bagi TNB untuk memperkenalkan teknologi dan solusi cekap tenaga serta sumber tenaga boleh baharu, manakala Bank RHB akan berkongsi pelbagai produk solusi kewangan hijau yang dapat menyokong PKS dalam usaha mereka ke arah amalan perniagaan mampan.

Kerjasama penting ini diperkuuh dengan pertukaran dokumen MoU antara Ketua Pegawai Kewangan TNB, Nazmi Othman dan Pengarah Kumpulan Perbankan Komuniti, Jeffrey Ng Eow dari Kumpulan Perbankan RHB. Majlis ini diserikan lagi dengan kehadiran tetamu kerhormat, termasuk YB Nik Nazmi, Dato' Abdul Razak dan Dato' Seri Ir. Baharin.

Ringkasnya, TNB memulakan perjalanan dwi fungsi dengan memanfaatkan digitalisasi bersama Huawei untuk memudahkan peralihan tenaga yang mampan, serta turut bekerjasama dengan Kumpulan Perbankan RHB untuk memperkuuh PKS dan individu dalam penggunaan tenaga boleh baharu dan solusi tenaga yang cekap. Kerjasama strategik ini menempatkan TNB di hadapan dalam usaha peralihan dtenagai Malaysia, sejajar dengan matlamat negara.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 15 November 2023, jam 11:30 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /  
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar, dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad (keempat dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen MoU dalam mempercepat agenda peralihan tenaga TNB melalui transformasi digital dan untuk membuka potensi perniagaan lebih lagi dalam solusi tenaga hijau. TNB diwakili oleh Ketua Pegawai Informasi (CIO) TNB, Azlan Ahmad (ketiga dari kiri) manakala Huawei diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Malaysia, Simon Sun (keempat dari kanan).

Pertukaran MoU ini juga disaksikan oleh Pengurus TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid (ketiga dari kanan); Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din (kedua dari kiri); Ketua Pegawai Operasi TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (sebelah kiri); dan Setiausaha Syarikat TNB, Norazni Mohd Isa (kedua dari kanan). Naib Presiden Jabatan Kuasa Digital Huawei, Chong Chern Peng, (sebelah kanan), juga turut hadir.



MoU antara TNB dan Kumpulan Perbankan RHB adalah untuk mempromosikan dan menyediakan solusi kewangan hijau bagi PKS dan individu. Pertukaran dokumen MoU antara Ketua Pegawai Kewangan TNB, Nazmi Othman (kedua dari kiri), dan Pengarah Urusan Perbankan Kumpulan untuk Kumpulan Perbankan RHB, Jeffrey Ng Eow (kelima dari kiri), disaksikan oleh Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar, dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi bin Nik Ahmad (keempat dari kiri).

Turut menyaksikan pertukaran MoU tersebut ialah Pengurus TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid (kelima dari kanan); Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din (ketiga dari kiri); Ketua Pegawai Operasi TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (sebelah kiri); Ketua Pegawai Insan TNB, Wahizan Abd Rahman (keempat dari kanan); Ketua Pegawai Retail TNB, Kamal Arifin A. Rahman (kedua dari kanan); dan Setiausaha Syarikat TNB, Norazni Mohd Isa (ketiga dari kanan). Pengarah Urusan dan Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbankan RHB, Mohd Rashid Mohamad (sebelah kanan), turut hadir.